

Program sehari di Kampung Pos Bersih, Ulu Slim beri impak positif kepada komuniti Orang Asli

Oleh **NORMAWATI ADNAN**
TANJUNG MALIM

Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia) meneruskan kesinambungan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) tahun ini di Kampung Pos Bersih, Ulu Slim dekat Behrang di sini.

Program sehari bersama komuniti Orang Asli yang berlangsung pada Rabu itu menggabungkan empat teras utama capaian CSR syarikat berkenaan iaitu komuniti, kesihatan, alam sekitar dan sukan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ahmad Hashimi Abdul Manap berkata, pelaksanaan program itu sebagai komitmen yang mencerminkan

dedikasi syarikat dalam memberi sumbangan kembali kepada masyarakat setempat.

"Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, kita bukan setakat mencari keuntungan, tetapi ingin membina perhubungan dengan persekitaran termasuk komuniti yang memerlukan.

"Seperti CSR hari ini (Rabu), kita adakan satu bentuk program yang menggabungkan pelbagai objektif yang memberi impak positif kepada komuniti di sini," katanya ketika ditemui pada program tersebut di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Behrang, Salina Samsudin dan Orang Besar Jajahan Muallim, Datuk Dr Safry Kamal Ahmad.

Ahmad Hashimi memberitahu, pada program itu, Gas Malaysia menyerahkan 40 ba-



Ahmad Hashimi (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan wakalah zakat berjumlah RM10,000 bagi membantu menyiapkan pembinaan surau di Kampung Bangkong, Pos Bersih.

kul rezeki berupa barangan keperluan makanan termasuk beras, gula, tepung, garam dan minyak masak kepada kumpul-

an sasar komuniti Orang Asli. Ujarnya, menyedari kepentingan ekosistem alam semula jadi, syarikat itu dengan

Gas Malaysia teruskan CSR, gabung empat teras utama

kerjasama Jabatan Perhutanan Perak turut mengambil inisiatif menanam sebanyak 150 anak pokok hutan dan buah-buahan serta menjalankan aktiviti pembersihan di sepanjang pesisir sungai.

Tambahnya, sebagai menyokong pembangunan komuniti di kawasan itu, Gas Malaysia telah memberikan sumbangan wakalah zakat berjumlah RM10,000 bagi membantu menyiapkan pembinaan surau di Kampung Bangkong, Pos Bersih.

"Pendekatan pelbagai aspek ini juga adalah usaha terancang Gas Malaysia sepanjang 30 tahun penubuhannya untuk memupuk kesedaran dalam kalangan kakitangannya berkaitan dengan pemeliharaan ekosistem dan kebajikan setempat," katanya.